

06/06/2000

Seni tradisional asing di bumi sendiri

Khalid Salleh

KELUH Kesah dan duka lara teater Malaysia sewajarnya tidak membayangkan masa depan pentas kehidupannya masih berbalam cahayanya. Kemelut teater Malaysia menjadi sensasi sejak kebelakangan ini kerana persoalan Istana Budaya. Pada waktu yang sama, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan (KKKP) terlalu ghairah menganjurkan kegiatan tempelan menerusi modus operandi seolah-olah kita terlalu kaya dan mempunyai bermacam kesenian dan kebudayaan. Walhal tahap kesenian yang boleh dibanggakan hampir tidak ada sama sekali.

Perarakan Citrawarna Malaysia umpamanya yang menggandingkan segala macam 'rojak' seni dan kebudayaan dengan tetamu istimewanya, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tentunya penuh suasana gilang-gemilang.

Tetapi, kemeriahan yang sangat-sangat diharapkan tidak mahu menyembunyikan hakikat sebenarnya. Rintihan kesedihan biaya yang digunakan dari wang rakyat bagaimanapun tersirat dari dada langit yang tidak upaya menahan sebaknya. Jurai tangisan hujan mengandungi erti penuh simbolik. Acara memang terus berjalan sehingga selesai tetapi senyum menyerlahkan kepuasan dan senyum menyembunyikan kepahitan pada bibir setiap peserta perarakan yang tidak dapat dikaburi di depan lensa kamera TV.

Kehadiran pelbagai bentuk kesenian dan kebudayaan yang 'dipewai' (pawai) pada malam itu secara umumnya sudah hampir luput sebenarnya. Bahkan, tidak dikenali langsung antaranya oleh generasi sekarang (generasi Melayu Baru?).

Tarian zapin, kuda kepong, rodat, randai, ghazal, dikir barat, boria, dondang sayang, joget lambak dan bermacam lagi yang tidak perlu disenaraikan di sini, bertolak dari masyarakat desa atau pekan kecil yang menjadikannya sebagai keutamaan untuk menampilkan semangat kerjasama, gotong-royong, kekeluargaan serta interaksi semangat kejiwaan dengan wilayah sekitarnya. Ia menjadi lebih meriah apabila berlaku musim pertandingan. Untuk mencapai ke tahap juara misalnya, sudah semestinya sesebuah kumpulan itu menampilkan ciri keunggulan daripada pelbagai aspek. Maka, kesepakatan, ketrampilan, kesungguhan dan kerajinan mengadakan sesi latihan di samping menerapkan idea yang menyegarkan pada warna persembahan itulah yang memberi kesuburan kepada kesenian dan kebudayaan di kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Apakah ia masih wujud dan menjadi amalan kepada masyarakat desa? Tambahan lagi kepada masyarakat di kota seperti Kuala Lumpur? Jawab sendirilah!

Kedudukan bangsa Melayu yang sudah mulai 'terapung' dengan segala macam kemewahan mencetuskan idealisme kebendaan yang mengkaburkan pandangan dan perhatian terhadap jiwa dan semangat seni budaya dalam posisi sebaik mungkin. Bidaah hukum hakam sesetengah golongan agama yang terbelit dengan serban kefanatikannya, menjerluskan lagi seni budaya ke martabat sepi dan asing dalam masyarakat Melayu sendiri.

Ruang kemungkinan yang mentarbiahkan seni budaya sebagai landasan kukuh masyarakat Melayu mengenali jauh keindahan rentak gendang dan bunyi gong umpamanya, semakin merenggang dan jauh daripada gagasan pemikiran masyarakat millennium. Tukaran 'dana asing' yang mempromosikan juara keserabutan dengan meriuhkan semangat globalisasi kononnya, sudah mencacamerbakan seni dan budaya setempat. Dengan demikian, bibit-bibit songsang menjana usia seni budaya secara beransur tanpa disedari.

Maka, pelbagai wajah kesenian yang tidak pernah dilihat sebelum ini berfungsi sebagai 'duta kecil' membeberkan siluman budaya yang tidak menampilkan wajah sebenarnya. Itukah pesona Malaysia yang bakal menarik pelancong membanjiri negara ini?

Kerajaan menerusi KKKP sewajarnya membaik-pulihkan seni budaya Melayu sesuai dengan amalan, sikap serta pekerti Melayu. Dalam perenggan kehidupan yang mentakrifkan Melayu sebagai bangsa beradab, bersopan santun, halus budi pekertinya, mungkin perarakan Citrawarna Malaysia yang berlangsung di sekitar Dataran Merdeka, baru-baru ini, sedikit sebanyak sudah memberi gambaran sebenar terhadap nilai seni budaya kita.

Melayu, Cina dan India. Mana satu yang mahu diperlihatkan? Memang benar keharmonian keturunan di negara ini menampilkan suasana kehidupan yang memberi peruntukan mereka berasimilasi dan berbaik sangka antara satu sama lain. Tetapi, kesenian dan kebudayaan masing-masing masih tetap berbeza. Kedaulatan undang-undang, kesetiaan kepada raja dan negara serta paling utama, kepercayaan kepada tuhan adalah antara prinsip Rukun Negara yang menjadi asas kepada pengembangan seni budaya tanah air tercinta ini.

Justeru, segala kemungkinan yang cuba diamalkan atau disuaikan ke dalam seni budaya yang kononnya berwajah Malaysia secara dasarnya haruslah menitikberatkan kepada ciri-ciri asas seni budaya itu sendiri. Dalam erti kata lain yang lebih mudah difahami, budaya Melayu tidak menerima orang berkahak ketika mereka sedang menikmati hidangan. Tetapi, bagi kaum lain, perlakuan itu tidak memberi kesan apa-apa kepada mereka. Biasa.

Suasana sedemikian meskipun hanya sebahagian kecil dari perlakuan sesetengah keturunan di negara ini, namun kehalusan bahasa dan budi pekerti membezakan antara satu keturunan dengan keturunan lain, tidak semudah menukar rentak zapin kepada rentak perarakan naga seperti yang diperlihatkan dalam Citrawarna Malaysia.

Apakah tujuan perarakan Citrawarna Malaysia sudah dikaji selidik secara terperinci? Untung ruginya mengadakan perarakan itu? Dalam ketakjuban dan ketaksuban masyarakat negara ini terhadap seni budaya khususnya penduduk sekitar Lembah Klang, apakah ia mencapai ke tahap sehingga fiesta seperti itu diadakan?

Pendekatan membabitkan wang kerajaan (wang rakyat) sedapat mungkin diperhitungkan sedalam-dalamnya supaya rakyat benar-benar yakin dan meyakini bahawa kerajaan yang dipilih dalam pilihan raya adalah kerajaan yang benar dan tidak merugikan rakyat.

Mengharapkan pelancong mencurahkan wang di Malaysia? Pernahkah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir selaku menteri di KKKP meninjau tempat yang menjadi tumpuan pelancongan? Pantai Port Dickson umpamanya, dengan jolokan Blue Lagoon, lihatlah keadaannya terutama pada musim cuti persekolahan. Kemudahan infrastrukturnya agak menyedihkan dan memalukan.

Tandas awam ada dua. Bilik mandi ada dua. Bersama bau 'harum', mampukah ia menampung dan memberi khidmat kepada ribuan pengunjung ke situ? Sampah sarap berselerakan kerana tidak ada kemudahan tempat pembuangan sampah. Lalat pun turut berpesta! Itukah yang mahu dibanggakan kepada pelancong atau untuk menarik pelancong dari luar negara? Itu baru di Port Dickson. Tempat lain bagaimana pula?

Suasana lepak di pusat membeli belah di bandar terutamanya ibu kota seperti di Suria KLCC umpamanya, peratus terbesar di antara mereka ialah remaja Melayu. Kenapa? Mereka tidak ada arah tujuan. Tidak boleh menyalahkan mereka 100 peratus jika mereka turut menyumbang dalam suasana budaya yang semakin sumbang ketika ini. Peluang mereka untuk menjadi sumbang terlalu besar kerana runtuh budaya luar yang 'bebas cukai' ke negara ini. Asas seni budaya, jati diri wajah kita tidak dipasakkan dari awal usianya. Kesenian dan kebudayaan bagaikan tidak dianggap penting. Teater, bangsawan, muzik dan tarian asli tidak dikembangkan dengan

sesungguhnya oleh KKKP menerusi kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, umpamanya.

Apabila anak-anak muda terjebak dengan perlakuan sumbang dan liar, siapa sebenarnya yang menyumbang ke arah keadaan mereka sehingga membawa dengan segala macam sumbang dalam kehidupannya? Ibu bapa? Kementerian Belia dan Sukan? KKKP? Atau, mereka memang dilahirkan untuk menjadi sumbang?